

# Perkembangan Islam Di Negeri China

**Syed Sini Shamsuddin**

**Dan keturunannya Sai Ho Cheh (Syed Haji) yang terkenal dengan gelaran “Cheng Ho” telah meninggalkan jasa yang cemerlang di negeri China.**

**(Terjemahan Nazel Hashim Mohammed)**

Islam masuk ke negeri China pada zaman Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* masih hidup lagi. Oleh kerana keanehan huruf-huruf Kanji Cina maka nama sahabat-sahabat Nabi yang termasyhur serta berusaha menyiarkan agama Islam ke negeri China telah menimbulkan perbincangan di antara sarjana-sarjana, tetapi kesan perjalanan masa dan peredaran tawarikh dunia Islam di negeri China masih hijau lagi ingatan padanya dan makam-makam di Canton pula masih menjadi tempat ziarah bagi sebelas juta rakyat Cina Islam.

Untuk memperingati kejadian agung yang memancarkan cahaya Islam itu maka sebuah masjid telah didirikan di Canton pada tahun Masihi 629, iaitu bersamaan tahun 8 selepas Hijrah. Masjid ini diberi nama Masjid “Kwang – Tah”, bermakna Menara Cahaya. Selain dari masjid-masjid di Madinah, Masjid Kwang Tah ialah juga rumah Allah yang tertua dibina oleh kaum Islam. Tak lama kemudian dua buah masjid lagi dibina, iaitu Masjid Chee Lin di Chuan – Chow dalam jajahan Pokkien (Hokkien) dan Masjid Feng Huang di Hangchow dalam jajahan Chekiang. Masjid-masjid yang masih ada ini telah menjadi sebagai tugu peringatan

persaudaraan di antara Islam dengan China purba hingga ke hari ini. Islam tersebar terus menerus ke negeri China dengan jalan diam-diam, perlahan-perlahan dan tenang menerusi saudagar-saudagar Islam yang sentiasa belayar ke negeri China dan juga melalui setengah-setengah utusan tentera yang dihantar oleh Khalifah ‘Abbāsī (Al-Manṣūr) untuk menolong mengendalikan keamanan di luar dan di dalam negeri China. Pengaruh Islam memuncak tinggi di negeri China dalam masa pemerintahan raja-raja keturunan Yuan (tahun Masihi 1260-1368), iaitu apabila bangsa Uyghur, suku bangsa Monggol yang gagah bermastautin di sempadan timur laut negeri China yang telah lama memeluk agama Islam itu menolong dan melindungi kaum-kaum Islam Parsi dan Transoxiana daripada dibinasakan oleh kaumnya sendiri – Monggol. Kaum Islam di negeri China dikenali juga dengan nama “Huihui”, iaitu pelatan dari perkataan “Uyghur”. Dalam mempedomankan pengaruh Islam maka terdapatlah bahawa segala segi penghidupan orang-orang Cina telah dipengaruhi, terutama dalam corak pemerintahannya. Dalam zaman pemerintahan Kublai Khan yang termasyhur itu delapan daripada dua belas jajahan di negeri

China telah diperintah oleh ketua-ketua Islam. Orang yang banyak berusaha sekali di antara orang-orang Islam yang termasyhur itu ialah seorang pegawai Islam bernama Sai Tien Cheh Shan Su Din (Syed Sini Shamsuddin). Beliau bertugas sebagai Gabenor jajahan Yunan di bawah pemerintahan Ogodai Khan dan Mangu Khan serta menjawat jawatan Menteri Kewangan di bawah pemerintahan Kublai Khan. Namanya masih harum lagi dalam jajahan yang ditadbirkan dengan adil dan saksama itu.

Agama dan kebudayaan Islam terus berkembang hingga pada masa pemerintahan raja-raja keturunan Ming

(1368-1644 tahun Masihi), terutama pada setengah abad pertamanya. Seorang Cina Islam yang dikenali dan masyhur pada zaman itu, mungkin bila-bila zaman jua pun ialah Sai Ho Chih (Syed Haji) keturunan ketujuh daripada Sai Tien Cheh (Syed Sini Shamsuddin) tersebut tadi, serta dikenali umum dengan nama “Cheng Ho”. Nama ini telah diberi kepadanya oleh Maharaja Yongle kerana jasanya. Cheng Ho ialah seorang ahli pelayaran yang bijaksana dari negeri China, dan kerja-kerjanya telah menandingi Vasco da Gama, iaitu ahli pelayaran Portugis. Pada masa yang sama itu juga Cheng Ho




*Suatu pemandangan dalam Masjid Bandar Taipei, di Pulau Taiwan (Formosa). Dengan hati yang tulus ikhlas lagi khusuk, saudara-saudara kita kaum Muslimin China, sedang berdoa ke hadrat Allah ‘Azza wa Jalla, supaya dilimpahkan-Nya taufik dan hidayah-Nya dan diberi perlindungan kepada umat Islam barang di mana mereka berada di segenap pelusuk dunia, dan dijauhkan mereka dari segala bahaya dan angkara musuh-musuh Islam – terutama kaum Komunis yang sedang mencengkam tanah air mereka dengan kejamnya.*

menjadi negarawan dan duta yang berjaya. Rakyat China biasa yang bertaburan di gugusan pulau-pulau Melayu tak berapa mengenalinya, namun oleh kerana jasanya, ramai yang menyembahnya di atas nama San Fau Kong. Sebagai seorang pendiri kerajaan Melayu Melaka yang merdeka dan pertama itu maka ia dianggap oleh orang-orang Melayu pada zaman itu sebagai heronya. Ia dikenali juga sebagai johan oleh orang-orang Melayu. Keikhlasan Cheng Ho terhadap agama Islam dan kaum Muslimin bolehlah diukur daripada tanda-tanda yang ditinggalkan olehnya di tugu-tugu peringatan Islam di negeri China. Satu ukiran – tulisan dari salah sebuah tugu-tugu ini dapat dilihat dalam buku “*Islam in China*” karangan Marshall Broomhall.


Batu bersurat di Masjid Tsing – Chen Su dalam pekan Sian – Pou di jajahan Shanxi telah memperingati usaha-usaha baik Sai Ho Cheh yang biasa dikenal juga dengan nama Cheng Ho. Terjemahannya seperti berikut :

“Pada hari keempat belas, pada bulan ketiga, pada tahun kedua puluh lima dalam pemerintahan Raja Hong-wu (tahun Masihi 1393) Sai Ho Chih keturunan ketujuh daripada Sai Tien Chih, anak raja di “Hsien” yang telah dijemput oleh raja dan dikurniakan sebagaimana yang terkandung dalam titah perintah ini :



**Untuk wanita-wanita :**

- 1. Di Rumah Rasulullah 0.50
- 2. Hukum Bersuci 0.40
- 3. Hukum Haid dan Nifas 0.50



“Sebanyak 50 bahara (satu bahara lebih kurang 10 tahlil) perak dan dua ratus helai kain kapas hendaklah diberikan kepada tiap-tiap satu keluarga Islam yang dihormati; sebanyak dua buah masjid hendaklah didirikan di dua buah tempat, sebuah di Tung-tsu – fang di Jalan Shan - Shan di Nanking dalam jajahan Yingtian yang berpenghulu, dan sebuah lagi di Jalan Tzu – wu, di Kariah Chiang-‘an dalam jajahan San – xi; bahawa mereka juga dibenarkan membaiki masjid-masjid mereka jika telah buruk, dan bebas pergi dan berniaga dalam semua jajahan, dan juga bebas daripada cukai.

“Termaktub pada hari keempat, pada bulan ketiga, pada tahun ketiga, (dalam masa) pemerintahan Raja Yong-le (tahun Masihi 1406).”

Ini telah memperingatkan kita tentang sumbangan berharga yang dibuat oleh orang-orang Cina, pemeluk Islam tempatan, orang-orang Arab, Parsi dan Turki yang tinggal di negeri China, terhadap pengenalan asas Islam kepada ceruk dunia ini. Tetapi kenyataan-kenyataan tawarikh yang tegas untuk meringkaskan ukuran perkara yang sungguh-sungguh luas ini masih berkurangan, maka sudah tentulah berkehendakkan penyelidikan-penyelidikan satu persatu dan keterangan – tersurat nyata.

*(Ini akan dibuat oleh satu rombongan dalam rangka-kerja memperingati “Islam di Malaya” yang sedang dikumpulkan oleh penulis-penulis Melayu yang istimewa di bawah pimpinan sarjana Amerika yang bijaksana.)*

*(Maksudnya : Badan Penyelidik Kebudayaan di Kepulauan Melayu yang diketuai oleh seorang sarjana perempuan bangsa Amerika, yang berpusat di Singapura –*


P.Q.)

Apabila Maharaja Tsing (Manchu) dan keturunannya memerintah negeri China, tahun Masihi 1644-1911, kelihatanlah keagungan Islam di negeri China mulai surut. Orang-orang Manchu ialah orang asing yang menyerang negeri China. Kaum Muslimin yang perkasa dan cintakan kepada tanah airnya, melawan mereka bermati-matian dan akhirnya menerima kekalahan yang teruk. Pemberontakan Islam dimulakan pada tahun 1648 di Kan-su. Dari tahun 1782 hingga tahun 1889 telah berlaku sebanyak lima pemberontakan besar yang telah menggerakkan kerajaan Manchu hingga ke akarnya, tetapi telah mengakibatkan beratus-ratus malahan beribu-ribu kaum Muslimin mati syahid.

Cerita kegagalan pemberontakan-pemberontakan ini mempunyai beberapa sebab, satu daripadanya ialah disebabkan oleh perpecahan di antara kaum Muslimin sesama sendiri. Tetapi kenangan abadi terhadap Islam di negeri China yang telah diceroboh dan hendak dibinasakan, hingga kini telah menjadi ingatan suci.

(Diterjemahkan dari majalah “*Islamic World*”

keluaran bulan Ogos – September 1958. Dari buah kalam Syed Qudratillah Fatimi, di Universiti Malaya).



*Sebahagian daripada guru-guru dan murid-murid “Ma‘had al-Bi‘thātu al-Dīniyyah” bergambar untuk kenangan setelah tamat peperiksaan akhir tahun baharu-baharu ini. Yang bertanda ialah Ustaz Haji Harun Mudir.*

*Seyogia disebut, “ma‘had” itu ialah sebuah pusat pengajian Islam yang tertua di wilayah Yala, Siam*

*Selatan. Kiriman Zain Abdul Rahman.*